

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**  
**DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**  
**(BAHAGIAN KUASA-KUASA KHAS)**  
**PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN NO: WA-25-283-**  
**06/2019**

Dalam perkara Awad No. 1050/2019 bertarikh 27.3.2019 yang diberikan oleh Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur melalui Kes No.7/4-224/16 antara Thilagavathy a/p Arunasalam dan Maxis Mobile Services Sdn Bhd;

Dan

Dalam perkara perenggan 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964;

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Dan

Dalam perkara Aturan 92, Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

## ANTARA

THILAGAVATHY A/P ARUNASALAM ...PEMOHON  
(NO. K/P: 811125-14-5908)

## DAN

1. MAXIS MOBILE SERVICES SDN. BHD. ...RESPONDEN-  
(NO.SYARIKAT: 73315-V)
2. MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA RESPONDEN

## ALASAN PENGHAKIMAN

### PENGENALAN

[1] Pemohon di sini memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman di bawah Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memohon bagi relif-relif berikut:-

- i. Bahawa kebenaran diberikan kepada Pemohon untuk membuat permohonan semakan kehakiman terhadap Awad No. 1050/2019 bertarikh 27.3.2019 yang diberikan oleh Responden Kedua melalui kes No. 7/4-224/16 (**Awad tersebut**);
- ii. Sekiranya Mahkamah ini fikirkan adil, memberikan satu perintah pampasan sebagai ganti rugi pengembalian kedudukan jawatan (*'compensation in lieu of reinstatement'*)

dan bayaran gaji kebelakangan penuh untuk dinilai oleh Pendaftar Mahkamah beserta faedah pada kadar 5% setahun ke atas jumlah tersebut dari tarikh pemecatan sehingga penyelesaian penuh;

- iii. Kos; dan
- iv. Apa-apa relif lain dan relif lanjut yang Mahkamah fikirkan patut dan wajar.

### **RINGKASAN FAKTA**

[2] Pemohon telah memulakan perkhidmatan dengan Responden Pertama sebagai Eksekutif di bahagian “*Sales & Services, Customer Services, KLCC I-Centre*” bermula 13.8.2012. Skop pekerjaan Pemohon antara lain adalah khidmat pelanggan, jualan produk, urusan kedai *retail* dan sebagainya di mana Pemohon melapor kepada Kow Ngan Chai iaitu pengurus *outlet* dan Manoj Kumar (**Manoj**), pegawai bertugas.

[3] Pada 11.3.2013, Pemohon telah dipindahkan ke kedai *retail* eCurve (Pusat eCurve) sebagai *Senior Executive* dan *Head of Sales*. Pemohon mendakwa bahawa rentetan daripada beberapa siri serangan peribadi yang dilakukan oleh Manoj terhadap beliau di mana Pemohon telah dituduh melakukan beberapa salah laku yang serius oleh Manoj, Responden Pertama telah mengambil keputusan untuk memecat Pemohon dengan serta merta melalui surat pemecatan bertarikh 1.4.2015. Pemohon mendakwa bahawa pemecatan beliau telah ditentukan dengan lebih awal (*predetermined*) dan kesemua tuduhan

terhadap beliau adalah tidak berasas dan direka bagi tujuan memecat Pemohon.

[4] Pemohon kemudiannya telah memfailkan satu representasi kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan berkenaan dengan pemecatan beliau oleh Responden Pertama dan representasi Pemohon tersebut selanjutnya telah dirujuk ke Responden Kedua untuk diputuskan.

[5] Setelah mendengar kedua-dua pihak, Responden Kedua telah pada 27.3.2019 menurunkan Awad tersebut dan memutuskan bahawa pemecatan Pemohon oleh Responden Pertama adalah atas sebab dan alasan yang munasabah. Tidak berpuas hati dengan keputusan Responden Kedua tersebut, maka Pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman ini bagi mencabar Awad tersebut antara lainnyanya atas alasan-alasan berikut:-

- i. Sebab-sebab yang diberikan atas pemecatan Pemohon di dalam surat Responden pertama bertarikh 1.4.2015 adalah tidak ikhlas dan *mala fide*;
- ii. Responden Kedua di dalam Awadnya langsung tidak mempertimbangkan atau menumpukan perhatian kepada isu prestasi dan pencapaian kerja Pemohon yang baik di mana Pemohon sering kali dipuji oleh pelanggan-pelanggan Maxis. Ini membuktikan alasan pemecatan Pemohon di dalam surat pemecatan tersebut bahawa tingkah laku Pemohon telah mengganggu prestasi kerja dan perkembangan syarikat adalah tidak benar sama sekali;

- iii. Responden Kedua di dalam Awadnya langsung tidak mempertimbangkan atau menumpukan perhatian kepada isu prasangka dan ketidakadilan yang dibangkitkan oleh Pemohon yang merupakan tonggak utama kes Pemohon. Pemohon telah mengemukakan bukti-bukti yang kukuh bahawa:-
  - a. Pemohon telah dilayan dengan prasangka, tidak adil dan didorong untuk meletakkan jawatan oleh Manoj;
  - b. Pemohon telah berkali-kali sengaja dipersalahkan dengan benda-benda remeh dan tidak benar oleh Manoj (*selective prosecution*); dan
  - c. Pemohon telah berkali-kali dilayan dengan kata-kata kasar oleh Manoj.
- iv. Responden Kedua dalam Awadnya mengatakan bahawa ia adalah salah untuk Pemohon meninggalkan kumpulan Whatsapp pada waktu cuti sedangkan ia tidak melanggar terma-terma surat tawaran ataupun polisi syarikat. Arahan untuk mendapatkan kebenaran sebelum meninggalkan kumpulan Whatsapp tersebut hanyalah ditujukan kepada Pemohon sahaja dan ini berkait dengan isu prasangka dan ketidakadilan yang dialami oleh Pemohon; dan
- v. Dapatan dan keputusan Responden Kedua dicapai melalui pertimbangan isu-isu yang tidak relevan dan gagal untuk mempertimbangkan isu-isu relevan.

[6] Isu sama ada Responden Kedua telah mengambil kira fakta relevan di dalam mencapai keputusannya menolak tuntutan Pemohon.

Mahkamah merujuk kepada surat pemecatan perkhidmatan Pemohon daripada Responden Pertama bertarikh 1.4.2015 yang diserahkan dengan tangan kepada Pemohon (ekshibit "T-2", muka surat 172-173 Afidavit Sokongan Pemohon). Alasan pemecatan Pemohon dinyatakan di perenggan 5 dan 6 surat tersebut yang menyatakan seperti berikut:-

*"Your continuous abrasive and uncooperative attitude does not only have a disruptive influence to your job performance, but also inhibits the Company's growth, especially when the Company's success relies heavily on efficiency, teamwork and cooperation of its employees to ensure productivity and overall performance of the Company.*

*Given the circumstances, the Company regrets to inform you that it can longer repose in you the trust and confidence necessary to discharge your duties and responsibilities as an Executive of the Company. Accordingly, your services are hereby terminated with effect from 1 April 2015. Your salary and other contractual dues (if any) will be paid on or before your last date of service."*

Surat penamatan perkhidmatan Pemohon adalah berdasarkan Surat Tunjuk Sebab daripada Responden Pertama bertarikh 16.3.2015 (ekshibit "T-2" muka surat 77 Afidavit Sokongan Pemohon) dan surat Jawapan Pemohon kepada Surat Tunjuk Sebab (ekshibit "T-2" muka surat 78-79 Afidavit Sokongan Pemohon).

**[7]** Responden Kedua di dalam Awadnya telah menyatakan bahawa Responden Pertama telah berjaya membuktikan salah laku Pemohon atas 2 perkara iaitu:-

- i. Keluar dari kumpulan WhatsApp tanpa kelulusan ketua melanggar polisi Syarikat; dan
- ii. Gagal menghantar laporan jumlah jualan dan servis pada hari tersebut.

**[8]** COW-1 dalam keterangannya mengesahkan komunikasi Whatsapp adalah amalan dalaman syarikat Responden Kedua dan merupakan polisi Syarikat. Tujuan komunikasi melalui Whatsapp adalah untuk memudahkan pengurusan dalaman menyampaikan arahan dan pengesahan tindakan antara ketua dan pekerja.

**[9]** Responden Kedua telah di dalam Awadnya membuat keputusan bahawa Pemohon telah melakukan salah laku apabila keluar daripada kumpulan Whatsapp pada kali kedua iaitu 28.2.2015 setelah diberitahu oleh COW-2 pada bulan 31.12.2014 bahawa Pemohon perlu mendapatkan kelulusannya sebelum keluar dari kumpulan Whatsapp tersebut. Mahkamah merujuk kepada emel COW-2 bertarikh 31.12.2014 (ekshibit "T-2", muka surat 188 Afidavit Sokongan Pemohon) dan mendapati tiada sebarang pemberitahuan atau amaran secara jelas diberikan kepada Pemohon bahawa Pemohon tidak dibenarkan keluar dari kumpulan Whatsapp tanpa kebenaran COW-2. Perenggan pertama emel COW-2 hanya menyebut;

*"You left the Whatsapp group were at your own privilege and only you know the reason behind the action. As I mentioned numerous times, the action and decision to approve or decline any request are on discretionary basis and*

*depending on our operation's need. Moving forward, I do not wish to see recurrence of such."*

**[10]** COW-2 sekali lagi pada 3.3.2015 telah menghantar emel kepada Pemohon dan meminta Pemohon memberi sebab-sebab keluar dari kumpulan Whatsapp tanpa kebenaran beliau. Pemohon telah menjawab emel COW-2 dan menyatakan beliau tiada pengetahuan bahawa kebenaran COW-2 untuk keluar dari kumpulan Whatsapp adalah diperlukan dan menegaskan Pemohon tidak melanggar mana-mana polisi syarikat atau terma kontrak perkhidmatan. Lanjutan dari itu, Pemohon telah meminta COW-2 memasukkan beliau semula ke dalam kumpulan Whatsapp tetapi COW-2 enggan berbuat demikian. Malahan Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada Pemohon pada 16.3.2015 dan ditamatkan perkhidmatan pada 1.4.2015.

**[11]** COW-2 di dalam keterangannya di hadapan Responden Kedua mengesahkan beliau tidak pasti sama ada arahan untuk mendapatkan kebenaran keluar dari kumpulan Whatsapp telah diberitahu kepada semua pekerja. Oleh yang demikian, adalah munasabah Pemohon tiada pengetahuan bahawa kebenaran daripada COW-2 adalah suatu keperluan wajib sebelum keluar dari kumpulan Whatsapp. Kewujudan kumpulan Whatsapp hanyalah untuk memudahkan komunikasi antara COW-2 dan pekerjanya dan bukanlah merupakan suatu arahan yang mengakibatkan pelanggaran syarat perkhidmatan. Perkara sedemikian tidak pernah dinyatakan dalam keterangan COW-2. COW-2 sendiri dalam keterangannya menyatakan kelulusan untuk keluar dari kumpulan Whatsapp merupakan budi bicara beliau dan pastinya setiap pekerja tidak akan dilayan sama rata apabila kuasa budi bicara menjadi asas bagi setiap permohonan.



**[12]** Responden Kedua gagal mengambil kira fakta relevan bahawa Pemohon telah mengambil cuti tahunannya bermula 27.2.2015 hingga 5.3.2015 dan cuti Pemohon telahpun diluluskan. Oleh kerana Pemohon akan bercuti pada tempoh tersebut, maka Pemohon meninggalkan kumpulan Whatsapp buat sementara waktu sahaja dan akan masuk semula ke dalam kumpulan selepas kembali bekerja. Namun, COW-2 secara tiba-tiba pada 25.2.2015 telah memberitahu semua pekerja bawahannya bahawa cuti tahunan telah dibekukan atas alasan ketua syarikat akan membuat lawatan ke pusat tempat mereka bekerja dan semua pekerja perlu hadir bekerja.

**[13]** Pemohon tidak dapat membatalkan cuti yang telah diluluskan kerana Pemohon telah merancang cuti bersama ahli keluarga dan semua kos percutian telah dibayar oleh Pemohon. Meskipun Pemohon keluar dari kumpulan Whatsapp semasa bercuti sahaja, Pemohon masih menerima panggilan telefon dari pejabat dan membantu perkara-perkara berkaitan di tempat kerja. COW-2 di dalam keterangannya juga gagal membuktikan bahawa ketua syarikat telah hadir membuat lawatan kerja di tempat Responden Pertama pada 1.3.2015.

**[14]** COW-2 tiada sebab untuk enggan memasukkan semula Pemohon ke dalam kumpulan Whatsapp setelah diminta oleh Pemohon. Ini adalah kerana COW-2 pernah memasukkan Pemohon semula ke dalam kumpulan Whatsapp setelah Pemohon kembali daripada bercuti.

**[15]** Responden Kedua dalam Awadnya menyatakan bahawa Pemohon gagal menyoal balas COW-2 mengenai isu keluar dari

kumpulan Whatsapp, namun Responden Kedua gagal mengambil kira perkara-perkara berikut;

- i. Pemohon bertindak secara sendiri, tidak diwakili peguam dan pastinya tiada pengetahuan tentang bagaimana untuk menyoal balas COW-2; dan
- ii. Adalah tidak adil mengadili Pemohon dengan perkara-perkara teknikal yang diluar kemampuan Pemohon sebagai orang awam yang tiada latar belakang undang-undang.

**[16]** Responden Kedua telah membuat dapatannya bahawa kegagalan Pemohon menghantar laporan jualan harian dan servis perkhidmatan kepada COW-2 adalah suatu pelanggaran arahan Syarikat. Namun, Responden Kedua gagal mengambil kira bahawa Pemohon telah pun menyiapkan laporan-laporan yang diminta di dalam sistem yang COW-2 boleh perolehinya. Pemohon hanya tidak dapat menghantarnya melalui Whatsapp kerana Pemohon bukan lagi menjadi ahli kumpulan Whatsapp. COW-2 juga dalam keterangannya mengaku yang beliau tidak pasti sama ada Pemohon ada menghantar laporan-laporan kepada bahagian kewangan. COW-2 juga tidak ingat sama ada pernah memberi peringatan atau amaran sekiranya Pemohon gagal menghantar laporan-laporan yang dinyatakan.

**[17]** Responden Kedua dalam mencapai keputusannya gagal mengambil kira kandungan siri Whatsapp dan emel antara Pemohon dengan COW-2 yang menunjukkan tindakan berat sebelah COW-2 yang menjadikan Pemohon sebagai sasaran mencari kesalahan dan

mengaibkan Pemohon sebelum Pemohon ditamatkan perkhidmatan. Alasan Penamatan Pemohon hanya disebabkan tiada persefahaman dengan COW-2 tanpa mengambil kira perlakuan COW-2 terhadap Pemohon menunjukkan Responden Pertama telahpun mempunyai niat untuk menamatkan perkhidmatan Pemohon dengan mendengar di pihak COW-2 sahaja. Responden Pertama juga gagal menunjukkan sebarang bukti bahawa ketidaksefahaman antara Pemohon dengan COW-2 telah menyebabkan kerugian atau gangguan pencapaian prestasi Responden Pertama.

**[18]** Responden Kedua gagal mempertimbangkan fakta-fakta relevan dan mempertimbangkan fakta-fakta tidak relevan dalam mencapai keputusannya. Keputusan yang dicapai tidak menggambarkan keterangan yang ada di hadapannya. Dalam keadaan demikian, Mahkamah ini boleh mengganggu keputusan Responden Kedua sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Mahkamah Persekutuan Pahang South Union Omnibus Co Bhd v The Minister of Labour & Manpower & Anor* [1981] 2 MLJ 199 yang memutuskan;

*“It is settled law that the court may exercise its judicial power and interfere if the decision making body is influenced by considerations which ought not to influence it or fails to take into account matters which it ought to take into account.”*

**[19]** Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ranjit Kaur S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 8 CLJ 629, FC telah menentukan fungsi Mahkamah dalam mendengar suatu permohonan semakan kehakiman dan ujian yang digunapakai bagi semakan semula terhadap dapatan fakta oleh Mahkamah Perusahaan seperti berikut;

"[15]..... Historically, judicial review was only concerned with the decision making process where the impugned decision is flawed on the ground of procedural impropriety. However, over the years, our courts have made inroad into this field of administrative law. Rama Chandran is the mother of all those cases. **The Federal Court in a landmark decision has held that the decision of inferior tribunal may be reviewed on the grounds of "illegality", "irrationality" and possibly "proportionality" which permits the courts to scrutinize the decision not only for process but also for substance. It allowed the courts to go into the merit of the matter. Thus, the distinction between review and appeal no longer holds.**

[16] The Rama Chandran decision has been regarded or interpreted as giving the reviewing court a license to review without restraint decisions for substance even when the said decision is based on finding of facts. However, post Rama Chandran cases have applied some brakes to the courts' liberal approach in Rama Chandran. The Federal Court in the case of *Kumpulan Peransang Selangor Bhd v. Zaid Mohd Noh* [1997] 2 CLJ 11 after affirming the Rama Chandran decision held that there may be cases in which for reason of public policy, national interest, public safety or national security the principle in Rama Chandran may be wholly inappropriate.

[17] The Federal Court, in *Petroliam Nasional Bhd v. Nik Ramli Nik Hassan* [2003] 4 CLJ 625, again held that the reviewing court may scrutinise a decision on its merits but only in the most appropriate of cases and not every case is amenable to the Rama Chandran approach. Further, **it was held that a reviewing judge ought not to disturb findings of the Industrial Court unless they were grounded on illegality or plain irrationality, even where the reviewing judge might not have come to the same conclusion.**

[18] The Court of Appeal has in a number of cases held that where finding of facts by the Industrial Court are based on the credibility of witnesses, those findings should not be reviewed (see *William Jacks & Co (M) Sdn Bhd v. S Balasingam* [1997] 3 CLJ 235, *National Union of Plantation Workers v. Kumpulan Jerai Sdn Bhd (Rengam)* [2001] 1 CLJ 681, *Quah Swee Khoo v.*

*Sime Darby Bhd [2001] 1 CLJ 9, Colgate Palmolive (M) Sdn Bhd v. Yap Kok Foong & Another [2001] 3 CLJ 9. However, there are exceptions to this restrictive principle where:*

*(a) reliance upon an erroneous factual conclusion may itself offend against the principle of legality and rationality, or*

*(b) there is no evidence to support the conclusion reached.*

*(See Swedish Motor Assemblies Sdn Bhd v. Hj. Md Ison Baba [1998] 3 CLJ 288.)*

*[19] It is clear from the above authorities that the scope and ambit of Rama Chandran had been clearly explained and clarified. Decided cases cited above have also clearly established that **where the facts do not support the conclusion arrived at by the Industrial Court, or where the findings of the Industrial Court had been arrived at by taking into consideration irrelevant matters, and had failed to consider relevant matters into consideration, such findings are always amendable to judicial review**".(penekanan oleh Mahkamah ini)*

## **Kesimpulan**

**[20]** Dalam membuat semakan kehakiman, Mahkamah Tinggi tidak wajar untuk campur tangan dengan penemuan Mahkamah Perusahaan kecuali jika didapati bahawa penemuan tersebut adalah tidak munasabah, di mana tiada kumpulan orang atau tribunal yang munasabah dalam keadaan yang sama akan mencapai kesimpulan yang sama sepertinya.

**[21]** Mahkamah ini mendapati Responden Kedua dalam membuat penemuannya dalam Awad tersebut telah gagal menjalankan pemeriksaan objektif ke atas fakta-fakta dan bukti-bukti di hadapannya

untuk menentukan sama ada Pemohon adalah bersalah atas tuduhan-tuduhan yang didakwa dalam emel tunjuk sebab.

**[22]** Responden Kedua gagal bertindak berdasarkan ekuiti dan suci hati yang baik (*equity and good conscience*) dan merit kes tersebut dalam mencapai keputusannya tanpa mengambil kira Pemohon yang tidak diwakili peguam untuk mempertahankan dakwaannya berbanding dengan Responden Pertama yang diwakili peguam.

**[23]** Berdasarkan kepada fakta kes, Mahkamah ini mendapati Awad Responden Kedua mengalami kecacatan dari segi “tidak sah”, “tidak rasional” atau “ketidakpatuhan prosedur” dan tidak berpadanan dengan salah laku yang dipertuduhkan. Asas tentangan yang dibangkitkan oleh Pemohon mendedahkan kekhilafan dari segi undang-undang dan ketidakwajaran yang memerlukan campur tangan Mahkamah ini melalui semakan kehakiman.

**[24]** Setelah Mahkamah mempertimbangkan permohonan Pemohon dan hujahan kedua-dua pihak, Mahkamah ini membenarkan permohonan semakan kehakiman Pemohon dan memerintahkan kes Pemohon dikembalikan semula ke Mahkamah Perusahaan untuk didengar dan diputuskan di hadapan Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang lain.

**[25]** Mahkamah membenarkan kos sebanyak RM5,000.00 di bayar oleh Responden Pertama kepada Pemohon tertakluk kepada bayaran fi alokatur.

MARIANA BINTI HAJI YAHYA  
HAKIM  
MAHKAMAH TINGGI MALAYA  
(BAHAGIAN KUASA-KUASA KHAS 2)  
KUALA LUMPUR  
BERTARIKH: 1 JULAI 2020

**Peguamcara bagi pihak Pemohon**

Encik Arun Kasi bersama Cik Nicole Lee Hui Ching, Tetuan Arun Kasi & Co, Kuala Lumpur.

**Peguamcara bagi pihak Responden Pertama**

Cik Teh Jovaynne bersama Cik Teoh Alvera, Tetuan Zul Rafique & Partners, Kuala Lumpur.